

25/07/2000

Pintu automatik percepat urusan cop pasport di KLIA

KUALA LUMPUR, Isnin - Mulai 1 Ogos ini, pemegang pasport Malaysia tidak perlu lagi beratur panjang ketika tiba atau hendak berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ini kerana Jabatan Imigresen akan memasang pintu automatik dan rakyat tempatan cuma perlu menyentuhkan pasport masing-masing pada pintu automatik berkenaan untuk beberapa saat bagi membolehkan mereka melaluinya.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, berkata apabila pasport itu tersentuh pada pintu automatik, mereka boleh melaluinya kerana secara rasmi pasport mereka sudah dicop secara elektronik melalui sistem pengesan.

"Sistem pengesan akan mengambil data yang terkandung dalam dokumen (pasport). Jika segalanya sempurna, pintu akan terbuka secara automatik bagi membolehkan pergerakan penumpang lebih pantas tanpa beratur panjang.

"Bagaimanapun, hanya pemegang pasport yang memiliki ciri-ciri keselamatan tinggi boleh menggunakan kemudahan itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri upacara perasmian Sidang Kemuncak Persyarikatan Malaysia 2000 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Jabatan Imigresen mula mengeluarkan pasport bercirikan keselamatan tinggi pada 1998 dan sehingga kini kira-kira sejuta pasport berkenaan sudah dikeluarkan. Menjelang 2003/2004, semua pemegang pasport Malaysia dijangka menggunakan pasport berciri baru itu.

Aseh berkata, buat permulaan, kemudahan pintu automatik itu hanya diwujudkan di KLIA yang mana satu laluan keluar dan masuk akan dipasang bagi membolehkan kemudahan itu digunakan.

Katanya, kemudahan itu akan diperluaskan secara berperingkat ke pintu masuk dan keluar utama, termasuk di Tambak Johor serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Kuching dan Pulau Pinang.

Ditanya kemungkinan rakyat Malaysia boleh dituduh meninggalkan negara secara haram jika pasport mereka tidak mempunyai cop keluar, beliau berkata Kedutaan Malaysia sudah diminta untuk memberitahu pihak berkuasa Imigresen di negara luar mengenai kemudahan baru itu.

Katanya, laluan elektronik itu akan memberi faedah kepada mereka yang kerap keluar masuk negara kerana boleh menjimatkan muka surat pasport mereka.

"Tanpa mempunyai cop untuk masuk dan keluar seperti amalan sekarang, keperluan untuk menukar dokumen itu akan timbul apabila tempohnya nanti," katanya.

Aseh berkata, butir lanjut mengenai pintu automatik itu akan diumumkan apabila kemudahan terbabit dilancarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, pada 1 Ogos ini.

Mengenai borang yang perlu diisi oleh orang ramai seperti pengisytiharaan wang ringgit yang dibawa keluar atau masuk, beliau berkata ia boleh ditempatkan dalam kotak khas di tepi pintu automatik.

(END)